

**PM terima ijazah doktor kehormat Universiti Ohio  
Utusan Online  
15 Januari, 2013  
Oleh ABDUL YAZID ALIAD**

SHAH ALAM 15 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dianugerahkan Honorary Degree Doctor of Humane Letters daripada Universiti Ohio di sini hari ini.

Anugerah tersebut disampaikan sempena majlis Syarahan Perdana Tun Abdul Razak Ke-9 yang turut mendapat kerjasama daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Penganugerahan tersebut diberikan atas pengiktirafan pencapaian Najib dalam bidang pendemokrasian pendidikan dan perpaduan. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20130115/dn\\_26/PM-terima-ijazah-doktor-kehormat-Universiti-Ohio](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130115/dn_26/PM-terima-ijazah-doktor-kehormat-Universiti-Ohio)